



**TEKS UCAPAN PERASMIAN
DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH ABDULLAH
PRESIDEN ANGKASA
MERANGKAP PRESIDEN ASEAN CO-
OPERATIVE ORGANIZATION (ACO)**



WEBINAR PERNIAGAAN DOBI LAYAN DIRI DAN TASKA KOPERASI

**21 APRIL 2021 (KHAMIS)
10.00 PAGI**

Bismillahirrahmanirrahim



Assalamualaikum Warahmatullahi
Ta'alla Wabarakatuh dan Salam
Sejahtera



Yang Berbahagia Prof. Madya Dato' Dr.
Hj. Abdul
Rahman Abdul Razak Shaik,
Timbalan Presiden ANGGKASA

Barisan Jawatankuasa Bahagian Wanita
dan Komuniti,
ANGKASA :



- YBhg. Dr. Mohd. Azlan Yahya
- YBhg. Dato' Hj. Ibrahim Hj. Abdullah
- YBhg. Tn. Hj. Mohd. Rosli Hj. Basri
- YBhg. Pn. Hjh. Noorizan Abd. Latif



Yang Berusaha Puan Aziah Talib,
Pengurus Kanan Bahagian Wanita dan
Komuniti
ANGKASA

Barisan Penceramah



Yang Dihormati Barisan Pengarah Pusat
Keusahawanan Universiti-universiti Awam

Pengerusi dan Anggota Lembaga
Koperasi

Dato'-Dato'/Datin-Datin/tuan-tuan dan



puan-puan,
koperator-koperator yang dihormati
sekalian.

-
1. Alhamdulillah, saya merafak setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Illahi kerana dengan izin-Nya kita dapat bersama – sama menyertai



program webinar **‘Perniagaan Dobi Layan Diri dan TASKA Koperasi’** yang dijayakan oleh Bahagian Wanita dan Komuniti pada pagi yang berbahagia ini.

2. Dalam kesempatan ini, saya



merakamkan ucapan terima kasih dan mengalu-alukan kehadiran semua peserta, dan penceramah kerana meluangkan masa untuk turut serta dalam program ini.

3. Negara telah memasuki fasa Peralihan Endemik bermula 1 April



yang lalu. Ia adalah fasa peralihan untuk negara kembali kepada kehidupan normal selepas rakyat bergelut dengan pandemik Covid-19 sejak dua tahun lalu. Had operasi premis perniagaan juga telah dimasukkan dan dibenarkan



beroperasi mengikut syarat lesen masing-masing. Dengan peralihan fasa ini, perniagaan koperasi dapat beroperasi semula dan dapat dijalankan seperti sedia kala.

4. ANGKASA sebagai badan Apeks gerakan koperasi negara yang



bermatlamat memperjuangkan,
mengawasi dan menjaga
kepentingan dan pembangunan
koperasi sentiasa berusaha dan
mencari inisiatif untuk membangun
dan memperkasakan gerakan
koperasi keseluruhannya. ANKASA



ingin melihat koperasi berkembang maju bukan sahaja dalam aktiviti perniagaan koperasi malah dapat membentuk koperator yang berjiwa keusahawanan dan berpengalaman dalam pengurusan sesebuah organisasi (koperasi) khususnya warga belia.



5. Selaras dengan itu, hari ini diadakan program taklimat berkaitan perniagaan Dobi Layan Diri dan TASKA Koperasi bagi mempelbagaikan lagi jenis perniagaan koperasi dan mengembangkan lagi perniagaan sedia ada.



Hadirin hadiran sekalian

6. Berdasarkan Perangkaan Am Koperasi Interim 2021 yang dikeluarkan oleh SKM, bilangan Koperasi Belia adalah sebanyak 201 buah dengan perolehan sebanyak RM Lapan Juta Empat Ratus Sepuluh Ribu



(RM8,410,000), bilangan Koperasi IPT adalah sebanyak 203 buah dengan jumlah keseluruhan perolehan adalah RM Lapan Puluh Enam Juta Sembilan Ratus Tujuh Puluh Ribu (RM86,970,000). Bilangan Koperasi Wanita dan Ibu Tunggal adalah sebanyak 273 buah



dengan jumlah perolehan sebanyak RM Sepuluh Juta Sembilan Ratus Sembilan Puluh Ribu (RM10,990,000) manakala bilangan koperasi dalam kategori komuniti adalah sebanyak lima ribu tujuh ratus dua buah (5,702) dengan perolehan sebanyak RM Tujuh Ratus Dua Belas Juta Lima Ratus



Sembilan Puluh Ribu (RM712,590,000).

7. Melihat kepada data perolehan interim ini, insyaAllah jumlah perolehan ini akan meningkat dengan pengoperasian semula koperasi yang terkesan dengan pandemik Covid-19



sebelum ini. Semua koperasi perlu mengorak langkah untuk membangunkan perniagaan sedia ada mahupun perniagaan baharu. Perancangan yang strategik perlu diberi perhatian dalam usaha mengendalikan perniagaan koperasi.



Hadirin hadiran sekalian

8. Pada masa sekarang ini dengan norma baharu, perniagaan mesti menerapkan digitalisasi dalam pengoperasian mereka agar dapat beradaptasi dengan keadaan semasa



yang mana telah mengubah tabiat dan gaya hidup manusia. Ini sangat penting bagi memastikan perniagaan kekal relevan dan mampu berdaya saing termasuklah perniagaan koperasi.

9. Perniagaan koperasi tidak harus



berada pada keadaan yang sama seperti sebelum ini dengan perubahan tabiat orang ramai ke arah penggunaan dalam talian dan teknologi. Pembelian melalui platform e-dagang, pembayaran tanpa tunai, penggunaan aplikasi super sudah



menjadi kebiasaan buat orang ramai yang terbukti daripada peningkatan jumlah jualan dalam talian ketika pandemik baru-baru ini.

10. Oleh yang demikian, koperasi juga perlu bersama-sama melakukan transformasi ke arah perniagaan digital



ialitu jualan dan belian di dalam talian agar selaras dengan perkembangan teknologi masa kini bagi meningkatkan perolehan koperasi disamping mengekalkan kedudukan dan keupayaan operasi koperasi.



11. Hasrat ANGKASA agar koperasi – koperasi di Malaysia berkembang maju dalam perniagaan pertumbuhan baharu yang berimpak tinggi disamping menjana sosioekonomi anggota dan seterusnya menyumbang kepada KDNK negara.



Hadirin hadiran sekalian

12. Saya juga menyeru supaya lebih ramai generasi muda terutamanya golongan belia serta graduan malahan siswazah untuk turut sama menganggotai koperasi bagi sama-



sama menggembleng idea dan tenaga dalam memperkasakan gerakan koperasi kerana merekalah pelapis dalam memacu pembangunan sosioekonomi negara. Penglibatan aktif serta komitmen anggota-anggota dalam koperasi pula adalah kritikal bagi kelangsungan



dan penentu kejayaan koperasi.

13. Program hari ini adalah sebahagian daripada usaha ANGGKASA untuk memperkenalkan peluang-peluang perniagaan yang boleh diceburi oleh koperasi khususnya Koperasi Siswa/IPT,



Koperasi Wanita dan Koperasi Komuniti.

14. Dengan ekonomi yang semakin mencabar, perniagaan dobi layan diri telah terbukti jauh lebih menguntungkan berbanding dengan perniagaan-perniagaan lain. Kedai



dobi layan diri secara tidak langsung telah mengubah cara hidup masyarakat yang sibuk memenuhi tuntutan kerja dan sosial. Perkhidmatan dobi layan diri yang memudahkan orang awam mencuci dan mengering pakaian dalam masa



yang singkat telah menjadi norma dalam kalangan masyarakat Malaysia.

15. TASKA juga merupakan salah satu perniagaan yang berpotensi tinggi dengan tren masa kini wanita memilih untuk bekerja dan terpaksa menghantar anak-anak ke pusat



asuhan. Koperasi IPT, Koperasi Sekolah dan Koperasi Pekerja Jabatan/Agensi dilihat sangat sesuai untuk menubuhkan TASKA bagi memudahkan pekerja untuk menghantar anak mereka dengan jarak yang dekat dengan tempat



kerja.

Hadirin hadiran sekalian

16. Rebutlah peluang yang ada untuk membantu memberi kemudahan kepada anggota dan masyarakat setempat disamping membangunkan



ekonomi khususnya di kawasan luar bandar.

17. Semoga webinar ini memberi manfaat kepada semua pihak dalam menjayakan dan membangunkan koperasi masing-masing. Akhir kata,



tahniah kepada Jawatankuasa Bahagian & Komuniti, ANGKASA dan semua terlibat dalam menjayakan webinar ini.

18. Saya dengan lafaz suci bismillahirrahmanirahim merasmikan webinar “PERNIAGAAN DOBI LAYAN



DIRI DAN TASKA KOPERASI” anjuran
Bahagian Wanita dan Komuniti
ANGKASA.

Sekian terima kasih.



STATISTIK PERANGKAAN AM KOPERASI INTERIM 2021

Kumpulan Sasar	Bilangan Koperasi	Perolehan (RM JUTA)
Koperasi Belia	201	8.41

Kategori	Kumpulan Sasar	Bilangan Koperasi	Perolehan (RM JUTA)
Koperasi IPT	Institusi Kemahiran	32	2.26
	Institusi Pendidikan (IPG)	25	1.12
	Kolej Matrikulasi	9	1.37
	Kolej Swasta	21	1.06
	Politeknik	33	4.77
	Universiti Awam	73	76.02
	Universiti Swasta	10	0.37
	Jumlah	203	86.97



Kategori	Kumpulan Sasar	Bilangan Koperasi	Perolehan (RM JUTA)
Koperasi Wanita	Wanita	246	10.92
	Ibu Tunggal	27	0.07
	Jumlah	273	10.99



Kategori	Kumpulan Sasar	Bilangan Koperasi	Perolehan (RM JUTA)
Koperasi Komuniti	Pekerja Jabatan/Agensi	367	615.09
	Keluarga	1,310	26.87
	KOBERA	239	0.76
	Orang Asli	96	1.31
	Orang Kelainan Upaya (OKU)	22	0.13
	Penduduk Pangsapuri/Flat/Rumah Panjang	817	68.43
	Jumlah	2,851.00	712.59